

Kwasa Land sedia kemudahan PnR di Kwasa Damansara

KUALA LUMPUR – Kwasa Land Sdn. Bhd. (Kwasa Land), pemaju utama perbandaran Kwasa Damansara di Sungai Buloh, Selangor, mengumumkan kemudahan letak dan naik (PnR) di kedua-dua buah stesen Transit Aliran Massa (MRT) kawasan perbandaran ikoniknya itu kini hampir siap.

Kwasa Land dalam satu kenyataan akhbar berkata, kedua-dua kemudahan tersebut terletak di Stesen MRT Kwasa Sentral yang menyediakan 500 ruang tempat kereta manakala Stesen MRT Kwasa Damansara mempunyai kapasiti untuk menempatkan 513 unit kereta pada satu-satu masa.

“Ia turut menawarkan tempat letak kereta bagi golongan kurang upaya, ruang khas untuk motosikal, basikal, bas dan teksi serta kawasan menurun serta mengambil penumpang bagi kemudahan pengguna MRT serta pihak pembekal perkhidmatan,” katanya di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah Urusannya, Datuk Mohd. Lotfy Mohd. Noh (**gambar**) berkata, dengan pembinaan kedua-dua stesen MRT berkenaan, perjalanan ke Kuala Lumpur akan menjadi lebih mudah dan menjimatkan masa.

“Kedua-dua stesen tersebut terletak di lokasi strategik pusat bandar Kwasa Damansara yang mana fasa pertama pembangunan terdiri daripada pejabat dan ruang perniagaan yang akan dibangunkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Malaysian Resources Corporation Bhd. masing-masing di Plot C-8 serta MX-1,” katanya.

Mohd. Lotfy berkata, kedua-dua kemudahan PnR itu dijangka siap sepenuhnya sebelum akhir tahun ini.

“Kami akan melantik operator untuk menguruskan tempat letak kereta berkenaan,” katanya.

KWASALAND

